


Atasi segera masalah pencemaran marin

BH/15.02.23/M/S 11

Oleh Dr Chuah Lai Fatt
dan Siti Nur Jannah Mohamad Faisal
bhrencana@bh.com.my



pensyarah
di Fakulti Pengajian
Maritim, Universiti
Malaysia Terengganu

Menurut Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) 2022, sebanyak 8,300 juta tan sampah plastik dijana dunia setiap tahun, manakala 2.10 juta tan dikatakan 'berasal' dari Malaysia.

Sebanyak 10 peratus plastik sampah di-kitar semula, manakala 14 peratus dibakar, 26 peratus dilupus dekat tapak pelupusan sampah dan selebihnya 50 peratus dibuang ke laut. Ini bermakna kira-kira 80 peratus sisa laut adalah plastik.

Sampah plastik dibuang ke laut ini mampu membunuh hampir 100 juta hidupan laut. Sampah terdiri daripada plastik, botol plastik, puntung rokok, lampin bayi, bekas makanan dan minuman plastik berpunca dari darat atau kapal dan bot.

Sampah plastik akan terdedah dengan cuaca berbeza seperti cahaya, ombak, arus, udara, pasang surut mikrob dan sebagai-

nya ketika di laut akan membentuk mikroplastik. Mikroplastik (primer dan sekunder) bersaiz tidak lebih daripada 5.0 milimeter (mm) mampu diserap dan dimakan plankton.

Justeru, plankton akan dimakan ikan dan akhirnya masuk dalam rantai makanan manusia. Plastik yang belum menjadi mikroplastik terapung kelihatan seperti rumput laut, obor-obor dan alga lalu dimakan penyusut dan akhirnya mati akibat sesak nafas termasuk kesukaran dihadap-

dalam pencernaannya.

Sebanyak 80 peratus sumber protein utama untuk manusia adalah daripada hidupan laut. Sekiranya pembuangan sampah plastik ini berterusan, mikroplastik akan mempengaruhi kesihatan manusia.

Kesan terhadap hidupan laut yang termakan mikroplastik menyebabkan pengambilan makanan berkurangan, tumbesaran terbantut, pembiakan berkurangan dan tingkah laku tidak normal.

Mikroplastik bersifat toksik dan boleh mengakibatkan keracunan atau karsinogenik. Mikroplastik akan dibawa arus dan disebar luas di permukaan lautan atau dasar laut atau pantai di seluruh dunia.



Sistem penguatkuasaan tidak efektif terhadap pencemaran marin adalah faktor masyarakat tidak peka dalam isu penjagaan alam sekitar, keupayaan kitar semula terhad, kekurangan keseragaman dalam penyeliaan berperingkat dan kesedaran rendah masyarakat menjadikan isu ini berpanjangan.

Pendidikan kesedaran kepada generasi muda amat penting supaya mereka menjadi insan lebih menyayangi alam sekitar. Namun, tanpa kerjasama daripada pihak berwajib, ia sukar mencapai matlamatnya.

Pelaku jenayah alam sekitar boleh didakwa mengikut Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 serta Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672). Perkara ini perlu dihebahkan lebih kerap dan meluas untuk memberi pengajaran kepada masyarakat.

Banyak usaha perlu lagi dilakukan semua pihak untuk memastikan hidupan laut kita terjamin. Kerajaan negeri dan Pusat perlu memperketatkan lagi undang-undang menyekat perbuatan membuang sampah merata-rata tempat seperti denda tinggi atau hukuman penjara supaya masyarakat tidak mengulangi kesalahan berkenaan.

Lebih banyak usaha diperlukan untuk memupuk kesedaran masyarakat, kerajaan, penggubal dasar dan pemain industri supaya masalah pencemaran ini dapat ditangani bersama.

Hanya kerana ia masalah kecil dan tidak mudah dilihat atau dirasakan, tidak bermakna ia tiada mempengaruhi masalah kesihatan dan persekitaran kita. Apa yang utama, usah biarkan ia menjadi barah dalam kehidupan. Paling penting, perbuatan membuang plastik tidak boleh dijadikan normalisasi lagi.